

19/11/2004

Dua cara maju harta wakaf tingkat ekonomi

Mohd Yusof Sulaiman

HAMPIR 13 tahun lalu, Tun Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu Perdana Menteri pernah berkata: "Kita tidak boleh tinggal tanah wakaf terbiar hingga 2020 dan tahun 3000, sedangkan keadaan di sekeliling sudah dibangunkan mengikut keadaan zaman."

Melihatkan kepada kata-kata itu, Dr Mahathir sebenarnya sudah membayangkan nasib melanda tanah wakaf jika gagal diuruskan dengan berkesan, manakala dari sudut lain, ia menyingkap pelbagai kelebihan menerusi konsep dan amalan wakaf yang boleh dijana serta dimanfaatkan untuk pembangunan ummah.

Hakikatnya, pembangunan tanah itu masih kurang memuaskan. Hingga kini, masih banyak harta wakaf terutama tanah gagal dibangunkan walaupun ia amat berpotensi bagi memperkukuhkan ekonomi umat Islam.

Ketika ini, dianggarkan 16,000 hektar tanah diwakafkan dan daripada jumlah itu pula, sejumlah 53 peratus adalah milik Baitulmal, manakala 26 peratus adalah wakaf khas dan 21 peratus wakaf am.

Daripada jumlah itu, Negeri Sembilan mempunyai tanah wakaf terbesar iaitu 5,810 hektar, diikuti Johor (3,900 hektar), Perak (2,237 hektar) dan Selangor (504.4 hektar).

Pensyarah di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Mohd Ridzuan Awang, berkata pentadbir harta wakaf perlu bijak menguruskan harta terbabit.

Hingga kini, katanya, pentadbir harta itu termasuk Majlis Agama Islam Negeri (Main) yang mentadbir wakaf am atau perseorangan yang menjadi pentadbir wakaf khas.

"Pentadbir harta wakaf (mutawalli) hendaklah lebih komited untuk memajukan harta wakaf seperti yang dikehendaki pewakaf.

"Mereka boleh menggunakan beberapa kaedah tertentu untuk membangunkan harta wakaf antaranya melalui istabdal," katanya yang ditemui Berita Harian baru-baru ini.

Konsep istabdal terhasil melalui kesepakatan mufti pada Mesyuarat Majlis Fatwa Kebangsaan beberapa tahun lalu.

Dalam mesyuarat itu, mufti memutuskan bahawa harta wakaf boleh menggunakan konsep istibdal iaitu pindah syarat dengan menjadikan syarat baru yang lebih bersesuaian untuk membangunkan harta wakaf.

Mohd Ridzuan berkata, jika pada mula pewakaf mewakafkan tanah untuk pertanian, tetapi tanah itu lebih sesuai untuk industri, maka konsep istibdal digunakan.

Katanya, melalui cara ini harta itu bukan saja tidak terbiar, malah menepati impian pewakaf untuk mewakafkan hartanya.

Justeru, katanya, alasan bahawa tanah wakaf terbiar kerana tidak boleh dibangunkan seperti niat pewakaf tidak timbul sama sekali.

Kaedah lain juga boleh difikirkan untuk membangunkan tanah wakaf antaranya melantik agensi korporat untuk menguruskan harta itu dengan jaminan ia terpelihara dan terhindar daripada sebarang penipuan.

Mohd Ridzuan berkata, kaedah ini dinamakan wakaf korporat iaitu tugas mentadbir harta itu diambil sektor korporat, sementara Main ditugaskan memantau pembangunan harta itu.

Beliau berkata, wakaf sebenarnya adalah salah satu instrumen ekonomi Islam yang kurang diketengahkan walaupun ia terbukti mampu menjana pembangunan ummah dan menghindari umat Islam daripada belenggu kemiskinan.

Bagaimanapun, masih ada segelintir umat Islam yang gagal menterjemahkan

konsep wakaf dalam makna sebenar.

Lebih malang lagi, ada yang melihat wakaf dalam skop dan pemahaman konvensional yang diwarisi sejak turun temurun.

Untuk itu, wakaf dilihat dalam bentuk mewakafkan selipar di masjid atau tanah kubur.

(END)